

Saya sedih, kecewa: PM

Kritikan terbaru Dr Mahathir dianggap serangan berbisa

Oleh **Fazli Abdullah**
dan **Saufi Hamzah**

KEPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kesal dan sedih kerana bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, terus melakukan serangan berbisa terhadapnya selepas perjumpaan empat mata mereka, Ahad lalu.

Perdana Menteri berkata, beliau mengharapkan Dr Mahathir akan memberi sedikit masa kepadanya untuk memberi penjelasan mengenai semua perkara yang dibangkitkan dalam pertemuan mereka, tetapi sebelum sempat melakukannya beliau diserang dengan pelbagai tuduhan.

"Saya sedih kerana ketika umat Islam bergembira meraikan Aidilfitri, pada masa sama mereka bertanya mengenai (serangan) Dr Mahathir.

"Saya rasa sedih kerana beliau sudah bagi tahu apa yang beliau nak beritahu (dalam perjumpaan) dan saya memerlukan masa untuk memberi maklum balas.

"Tetapi, beliau terus mengulangi dan kali ini dengan kata-kata yang lebih berbisa," katanya pada sidang media selepas majlis Rumah Terbuka Aidilfitri anjurannya di Dewan Milenium di sini, semalam.

Kedua-dua pemimpin itu mengadakan perjumpaan tertutup selama dua jam di Seri Perdana, Putrajaya, Ahad lalu. Tidak sampai 24 jam se-

lepas itu, Dr Mahathir mengadakan sidang media mendedahkan semua isu yang dibangkitkan dalam perjumpaan dengan Perdana Menteri.

Abdullah yang kali pertama mengulas selepas pertemuan itu semalam mengambil masa kira-kira 40 minit untuk menjawab beberapa tuduhan yang dibuat Dr Mahathir.

Antaranya membabitkan tuduhan Dr Mahathir bahawa Malaysia sudah menjadi negara polis, pembabitkan anak dan menantunya dalam perniagaan dan pentadbiran negara, larangan ke atas Dr Mahathir berjumpa dengan ahli Umno.

Perdana Menteri berkata, pada pertemuan itu beliau memberi peluang seluas-luasnya kepada Dr Mahathir

untuk meluahkan apa juga yang ingin dibangkitkan.

Abdullah berkata, banyak perkara yang dibangkitkan Dr Mahathir adalah tidak benar, antaranya dakwaan negara ini sudah negara polis.

"Saya tidak berniat menjadikan negara ini negara polis, negara yang dapat hidup adalah negara yang mendaftarkan undang-undang yang mengakui keluhuran Perlembagaan. Yang diperintah oleh kerajaan yang demokratik, kerajaan yang adil dan saksama, memberi pembangunan kepada rakyat, yang inginkan kemakmuran dan kemajuan," katanya.

**LIHAT MUKA 2/SEDUTAN SIDANG
MEDIA PM DI MUKA 3**